

MCMC sekat 1.6 bilion panggilan palsu

Scammer guna pelbagai cara untuk tipu orang ramai

Oleh IZWAN ROZLIN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah berjaya menyekat 1.6 bilion panggilan yang meragukan sebelum sampai kepada pengguna.

Ketua Bahagian Keselamatan Rangkaian MCMC, Harme Mohamad berkata, kegiatan penipuan ataupun 'scam' sama ada secara dalam talian (online) ataupun luar talian (offline) antara medium yang digunakan penipu untuk meyakinkan mangsa.

Beliau berkata, dalam tempoh antara tahun 2020 sehingga Mei 2022, MCMC telah menerima sejumlah 5,513 aduan berunsur penipuan.

Katanya, aduan-aduan yang diterima dirujuk kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka.

Ini termasuklah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensi lain tertakluk kepada bentuk-bentuk penitipan yang dijalankan.




92 KES BERITA PALSU DISIASAT

Sebanyak 92 kes disiasat oleh MCMC-melibatkan berita palsu dengan enam daripadanya telah didakwa di mahkamah dalam tempoh antara tahun 2020 sehingga Mei 2022.

Menurut Harme, kerajaan tidak akan bertolak ansur kepada mana-mana pihak yang menyebarkan berita palsu sehingga menyebabkan ketakutan, panik atau kekusaran orang ramai.

Tindakan akan bermula dengan aduan yang diterima dan akan melalui proses penilaian serta dibantu undang-undang tindakan pencegahan undang-



penipuan yang dijalankan.

Menurut Harme, adalah sukar untuk mengetahui berlakunya penipuan dan kebanyakan 'scammer' berjaya memperdaya mangsa.

Mereka kini menggunakan taktik baharu iaitu beralih kepada aplikasi telegram dan viber bagi mengelak daripada tertangkap.

"Penggunaan dua aplikasi ini menyebabkan 'digital footprints' penjenayah tidak dapat dikenal pasti.

"Mereka licik dan pantas menyesuaikan diri dengan keadaan semasa malah bijak bermain dengan fikiran dan emosi mangsa," katanya.

Jelasnya, penyalahgunaan identiti merupakan elemen utama 'scammer' untuk memperdaya mangsa iaitu menyamar sebagai penculik, pegawai bank, rakan ahli keluarga termasuk mencipta laman yang menyerupai laman web asli.

Terdapat 'scammer' yang menyasarkan akaun media sosial tertentu yang akhirnya membawa kerugian wang ringgit kepada mangsa.

proses penilaian serta dibawa kepada tindakan siasatan sekiranya wujud sebarang elemen kesalahan.

Katanya, proses akan mengambil masa sehingga hukuman diputuskan bergantung kepada fakta dan hasil siasatan kes.

"Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) adalah antara instrumen perundangan yang diguna pakai dalam mengawal perekaan, penerbitan dan penulatan kandungan atau berita tidak benar," katanya.

Jelasnya, langkah pengemaskinian serta penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang relevan selaras peredaran semasa.

Selain itu katanya, portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh MCMC bukan sahaja sebagai salah satu sumber rujukan bagi orang ramai menentukan kesahihan sesuatu berita yang tular, malah menyampaikan maklumat mengenai potensi jenayah yang sedang dan boleh berlaku secara dalam talian melalui ruangan 'Waspada'.

Sehingga 31 Mei 2022, sejumlah 370 artikel telah diterbitkan di ruangan 'Waspada' bagi menyampaikan maklumat atau peringatan kepada orang ramai supaya berwaspada dengan penipuan dalam talian.

"Jawatankuasa Jenayah Siber akan terus digerakkan bagi menerajui tindakan yang lebih strategik dan tersusun antara PDRM dan MCMC. Kedua-dua pihak berusaha menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif," katanya.

Selain itu, program berbentuk kesedaran turut digerakkan oleh MCMC untuk mendidik masyarakat mengelak penyalahgunaan media sosial.

Antaranya, program Klik dengan Bijak (KDB), The Truth Campaign (Kempen Kebenaran, Kebebasan Bersuara Bukan Kebebasan Untuk Berbohong) dan Malaysian ICT Volunteer (MIV).

68 peratus jenayah komersial terlibat kes penipuan

SEBANYAK 48,850 kes atau 68 peratus membabitkan 71,833 kes jenayah komersial sejak 2020 hingga Mei tahun ini merupakan jenayah penipuan dalam talian.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, kes yang sudah disiasat oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) melibatkan kerugian lebih RM5.2 bilion.

Menurutnya, sepanjang tahun 2020 kes *Love Scam* mencatatkan 1,580 kes manakala pada 2021 (1,460 kes) dan sejak awal tahun ini hingga Mei lalu (361 kes).

Sementara *Macau Scam*, bagi tahun 2020 sebanyak 2,254



ACRYL SANI

kes, 2021 (1,586 kes) manakala dari awal tahun ini hingga Mei lalu (1,612 kes).

"*Love Scam* melibatkan mereka yang menyamar sama ada sebagai lelaki atau wanita yang berpura-pura sebagai kekasih. *Macau Scam* pula biasanya mereka yang menyamar sebagai pihak berkuasa," katanya.

Mengulas lanjut, Acryl Sani berkata, bagi jenayah membabitkan pembelian dalam talian atau e-dagang pula, merekodkan 5,851 kes pada tahun 2020 manakala pada 2021 (9,569 kes) dan dari awal tahun ini hingga Mei lalu sebanyak 3,833 kes.

Bagaimana scammer dapat maklumat peribadi kita?

i. Kejuruteraan sosial (social engineering): melalui maklumat yang diberikan secara sukarela oleh mangsa ketika bercakap dengan penipu di telefon:

- Scammer akan membuat panggilan telefon kepada mangsa dengan berpura-pura menjadi polis atau pegawai bank dan meminta maklumat peribadi mangsa.
- Mangsa biasanya akan memberikan maklumat yang diminta tanpa ragu-ragu.

ii. Maklumat dari maklumat yang dikongsikan di tempat awam seperti pusat membeli-belah, acara awam dan lain-lain:

- Mangsa akan memberi maklumat peribadi mereka untuk memenangi hadiah atau hadiah cabutan bertuah.
- Ataupun mendaftar masuk ke dalam sesebuah premis.

iii. Maklumat yang boleh didapati secara umum di media sosial (publicly available information):

- Rakyat Malaysia pada amnya tidak peka terhadap keselamatan data peribadi dengan memasukkan maklumat peribadi seperti nama penuh dan nombor telefon mereka di media sosial.

iv. Sindiket:

- Terdapat sindiket yang mencari atau membeli data peribadi daripada individu seperti pengawal keselamatan di kawasan perumahan yang mengambil maklumat pelawat, penganjur penjualan mengambil maklumat anda, dan banyak lagi.

